

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN  
[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah dan perancangan Kementerian untuk meningkatkan tahap perkhidmatan bekalan air yang lebih baik kepada penduduk negeri Kelantan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan 1.7 juta penduduk Kelantan mendapat akses kepada bekalan air bersih dan berkualiti. Ini termasuk:

- (i) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan empat (4) projek bagi kerja-kerja menaiktaraf loji dan kajian sumber air dengan kos keseluruhan RM229.9 juta. Sehingga kini, dua (2) projek telah siap pembinaan, satu (1) dalam proses pembinaan iaitu Projek Pembinaan LRA Kg.Telok, Jajahan Kota Bharu, Kelantan dan satu (1) projek dalam peringkat perolehan iaitu kerja-kerja pembinaan *low weir* di Sungai Pahi, Kuala Krai dan Sungai Pengkalan Datu Kota Bharu;

- (ii) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) juga, Kerajaan Persekutuan turut meluluskan kerja-kerja berkaitan *Non-Revenue Water* (NRW) dengan jumlah kos projek sebanyak RM122.9 juta iaitu Program NRW Fasa 2 dan Program NRW Nasional Pendekatan 1, Negeri Kelantan (Pakej 1 dan Pakej 2); dan
- (iii) pembiayaan berjumlah RM451.68 juta bagi kerja-kerja perbelanjaan modal (CAPEX) oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi tempoh Operasi Ketiga (OP3) (2018-2020) bagi meningkatkan infrastruktur bekalan air termasuklah pembinaan loji rawatan air, naik taraf loji rawatan air, penggantian paip dan pembinaan kolam takungan dan sebagainya. Antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan oleh PAAB adalah:
  - (a) menaik taraf dan membaik pulih LRA Bukit Chupak di Gua Musang dengan anggaran kos sebanyak RM16 juta;
  - (b) menaik taraf dan membaik pulih LRA Tanjung Mas, Kota Bharu dengan anggaran kos sebanyak RM49.95 juta; dan
  - (c) menaik taraf dan membaik pulih LRA Chicha Fasa 2 dengan anggaran kos sebanyak RM70 juta.

2. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan lain seperti *East Coast Economic Regional Development Council* (ECERDC), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, FELDA dan KESEDAR turut membiayai beberapa pembinaan loji rawatan air dan kerja naik taraf loji rawatan air seperti LRA Tualang, LRA Tendong, LRA Kelar Fasa 2 dan RKT Chalil melibat peruntukan berjumlah RM87.2 juta.

Sekian. Terima kasih.